KEBUDAYAAN ISLAM

ISLAM DAN KEBUDAYAAN

Bagaimana kebudayaan Islam telah tumbuh berkembang dan mempengaruhi kebudayaan dunia umumnya dapatlah ditatap dalam rencana yang berharga ini buah pena Tuan Muhamad Natsir, penganjur Islam yang terkenal – P. Q.

(oleh Muhamad Natsir)

"Islam itu sungguhnya lebih dari satu sistem agama sahaja, dia itu adalah satu kebudayaan yang lengkap."

Demikianlah bunyi pengakuan seorang pujangga ahli tarikh, Profesor H. A. R. Gibb dalam kitabnya yang terkenal "Whither Islam" satu pengakuan dari seorang yang bukan dipengaruhi oleh perasaan fanatik – agama, merdeka dari perasaan-perasaan taksub dan membentangkan dengan terus terang keyakinannya, yang berdasarkan kepada penyelidikan teliti dan saksama.

Dan bersama dengan beliau itu ada berpuluh, kalau tidak akan beratus, ahli ilmu pengetahuan yang ternama dari berbagai agama, yang mengakui dan menghargai dengan cara satriya, akan jasa-jasa Islam terhadap kebudayaan umumnya. Ada yang memandang dari pihak ilmu pengetahuan, ada yang menilik dari pihak falsafah, dari pihak pemerintahan, perekonomian, akhlak dan lain-lain lagi.

Tarikh telah menunjukkan bahawa tiap-tiap bangsa telah menempuh ujian hidup yang sakit dan pedih, tetapi tak putus bergiat menentang mara bahaya, berpuluh bahkan beratus tahun lamanya, pada satu masa akan mencapai satu tingkat kebudayaan, yang sanggup memberi penerangan kepada bangsa yang lain, satu masa mereka akan meninggalkan tuah yang lazat untuk bangsa-bangsa yang datang di belakang mereka.

Hukum alam ini telah berlaku, baik di Barat mahu pun di Timur, dari bangsa China, India, Mesir, sampai kepada bangsa ke Kaldani, Yunani, Rom, Arab, dan sampai kepada bangsa Eropah sekarang ini.

Begitulah sinar kebudayaan itu berputar dan bergilir dari satu tempat ke tempat yang lain di muka bumi kita ini, dengan tidak mempedulikan bangsa dan warna kulit, hanya menurutkan kudrat iradah Tuhan Yang Maha Kuasa dan Maha Adil.

Marilah kita tujukan pandangan dan minat kita

kepada suatu kebudayaan, yang telah dizinakan oleh Yang Maha Kuasa mencapainya kepada suatu bangsa yang tadinya bodoh, tidak terkenal dan tiada dianggap oleh kaum dan bangsa-bangsa yang lain di sekelilinginya, ialah suatu kaum dari semenanjung Arab, tanah tempat pertemuan benua Eropah, Asia dan Afrika. Kaum tersebut pada satu saat bergerak menggempurkan dunia, membina satu kebudayaan yang sangat penting ertinya dalam sejarah, sejak purbakala sampai sekarang.

Maka yang menjadi pokok kekuatan, sebab timbulnya, kebudayaan itu, ialah agama Islam, sebab itu tepatlah kalau dinamakan dengan sebutan kebudayaan Islam.

Sesudah kaum Muslimin memperteguhkan kedudukan mereka sebagai satu kaum yang diikat oleh keyakinan yang satu dan pandangan hidup yang satu pula, dan setelah mereka dapat mendudukki satu tempat yang tertentu pula dalam medan percaturan dunia ketika itu, yakni setelah mereka dari tingkat kaum yang tadinya tidak berhenti mendapat serangan dan tamparan dari kanan kiri, siang dan malam mempertahankan jiwa, kemudian naik kepada darat kaum yang dibenarkan hak berdirinya, di dengar bunyi suaranya, diakui kekuasaan dan kemegahannya oleh bangsa-bangsa yang berkuasa di benua Afrika, Asia dan Eropah itu, maka pada saat itulah mereka mendirikan kebudayaan yang buahnya diwarisi oleh bangsa Eropah zaman kita ini.

Marilah kita perhatikan dasar-dasar dibawah ini:

1. Agama Islam menghormati akal manusia dan mendudukkan akal itu pada tempoh yang terhormat serta menyuruh supaya manusia mempergunakan akal itu untuk menyelidiki keadaan alam.

2. Agama Islam mewajibkan pemulangan, baik lelaki mahupun perempuan, menuntut alam. “Tuntutlah ilmu dari buaian sampai ke liang lahad” kata Nabi Muhammad SAW.

3. Agama Islam melarang bertaklid buta, menerima sesuatu sebelum diperiksa, walaupun datangnya dari kalangan sebangsa dan seagama atau dari ibu bapa dan nenek moyang sekalipun.
“Dan janganlah engkau turut sahaa apa yang tiada mempunyai pengetahuan atasnya, kerana sesungguhnya pendengaran, penglihatan, dan hati itu semuanya akan ditanya tentang itu.”
(Al-Isrā’, 36)

4. Agama Islam menyuruh memeriksa kebenaran, walaupun datangnya dari kaum yang berlainan bangsa dan kepercayaan.

5. Agama Islam menggemarkan dan mengerahkan pemeluknya pergi meninggalkan kampung halaman berjalan ke negeri lain, memperhubungkan sillaturrahim dengan bangsa dan golongan lain, saling bertukar rasa dan pandangan. Wajib atas tiap-tiap Muslimin yang kuasa pergi sekurang-kurangnya sekali seumur hidupnya mengerjakan haji. Pada saat itu terdapatlah pertemuan yang karib antara segenap bangsa dan golongan di atas dunia ini. Keadaan itu menimbulkan perhubungan persaudaraan dan perhubungan kebudayaan yang sangat penting ertinya untuk kemauan tiap-tiap bangsa.

Sekian sebagai kutipan ringkas dari ajaran Agama Islam yang menjadi sumber kekuatan, yang mendorong terbitnya satu kebudayaan, yang akan kita perbincangkan dengan ringkas di bawah ini.

Selain daripada itu ada lagi faktor lain, yang tidak kurang menambah sumber dan lekas berkembanganya kebudayaan tersebut, yakni perlindungan yang diberikan oleh khalifah-khalifah Islam kepada ahli-ahli ilmu dan ahli-ahli seni dengan tiada memandang bangsa dan agama. Dengan jalan ini

dapat ahli ilmu dan ahli seni mewujudkan perhatian dan minat mereka, kepada ilmu dan kesenian yang mereka perdalami.

Seorang daripada khalifah-khalifah yang berbakti dalam mewujudkan kebudayaan Islam itu ialah khalifah al-Mansur, khalifah yang kedua dari kerajaan Abassiyyah. Khalifah al-Mansur adalah seorang yang salih, kuat beragama, ahli dalam ilmu Fiqh, gemar kepada ilmu pengetahuan terutamanya ilmu bintang dan ilmu tabib. Ahli-ahli pengetahuan dengan tidak memandang agama (yakni dari berbagai-bagai agama – P.) sama bekerja di istana dengan mendapat tempat, yang bukan kecil. Antaranya ialah Mubkhat ahli astro nomi (ilmu bintang – P.) orang Parsi, mulanya beragama Majusi, kemudian masuk Islam dengan penyaksian baginda sendiri. Ahli ini terus menerus tinggal di istana khalifah dengan anak cucunya, bekerja memperdalam ilmu astronomi itu.

Melihat bagaimana besarnya minat khalifah al-Mansur memajukan ilmu falak itu, datanglah ahli ilmu dari India, Parsi, Rom, berkumpul di Baghdad, bekerja dengan bersungguh-sungguh menuntut ilmu tersebut, di bawah perlindungan pemerintahan Islam.

Kitab-kitab lama yang sudah terbenam ke dalam jurang kelupaan di negeri Rom, diminta oleh khalifah al-Mansur supaya ditimbulkan kembali isinya yang berharga itu. Raja Rom pernah mengirimkan satu buku dari pujangga hitung Euclid termasyhur dan beberapa kitab-kitab Fisika (ilmu tabii – P.) ke Baghdad, terus diterjemahkan, dipelajari, diperluaskan dan diperkembang di sana.

Di negeri Jindisapur ada seorang tabib bangsa Syria beragama Kristian yang masyhur pada zaman itu. Khalifah al-Mansur meminta supaya Jurji Bakhtishu', demikian nama ahli itu, datang ke Baghdad mengajar ilmu tabib. Walaupun Jurji seorang Kristian, tetapi ia mendapat kehormatan layanan yang baik dari ahli Baghdad, dan selain dari gaji tetap yang diterima tiap-tiap bulan, ia menerima lagi hadiah 300 dinar dari khalifah sebagai tanda kehormatan. Al-Mansur telah meninggalkan buah usaha dalam ilmu-ilmu astronomi, ilmu hitung dan ilmu tabib. Pun khalifah-khalifah yang lain seperti khalifah Harun al-Rashid al-Ma'mun, mementingkan ilmu, agama dan falsafah.

Dengan jalan begini baiklah ilmu-ilmu yang berharga, yang hampir lenyap dari muka bumi, kembali terpelihara. Di antaranya kitab-kitab yang telah dipelajari, diterjemah dan dan dikomentari (diulas – P.) oleh pujangga Islam zaman itu di bawah lindungan khalifah-khalifah, antara lain ialah kitab ketatanegaraan dari Aflatun, kitab-kitab hitung dari Euclid, dan beberapa kitab-kitab falak dari Batlimus.

Malah di antara kitab-kitab itu yang sampai sekarang tidak bertemu lagi asalnya dapat diketahui dari terjemahan ke dalam bahasa Arab, buah tangan pujangga Islam dalam masa "zaman terjemah" itu.

Semasa orang di Barat mengharamkan mempergunakan penyelidikan akal, memburu dan membunuh "Galileo Galili" kerana ia ini pernah mengatakan bahawa bumi ini berputar, maka dalam kerajaan-kerajaan Islam pada waktu itu, orang berkeyakinan bahawa memajukan ilmu dan kebudayaan umumnya, masuk dalam kewajipan pemerintahan. Pemerintahan mencari, memanggil dan memperlindungi ahli ilmu dan seni dari segenap pihak dan dari macam-macam agama.

Sedang sebahagian dari tindakan-tindakan orang agama lain, menjaga sampai agama jangan rosak, ialah dengan melarang pemeluknya membaca kitab yang berisi keyakinan lain dan dengan lantas memasukkan kitab-kitab yang berbahaya itu ke dalam daftar kitab-kitab yang tak boleh dibaca oleh pemeluknya,

sebaliknya khalifah-khalifah Islam zaman keemasan itu memerintahkan untuk menterjemahkan kitab-kitab dari bermacam-macam agama dan mazhab yang ada pada masa itu, sampai dapat diketahui, dibaca diperiksa dan diperbincangkan oleh semua ahli akal dari kaum Muslimin.

Berani menempuh ujian, tak enggan menerima kebenaran walau pun datangnya dari pihak lain, takut menolak, kebatilan sesudah diperiksa dan diselidiki, walau pun berada di pihak sendiri.

Demikian pada permulaan abad kelapan Masihi, pada waktu bangunnya kebudayaan Islam itu, orang Islam telah memperlihatkan ke muka bumi, bagaimana mereka telah mempunyai persediaan untuk menerima kebudayaan dari bangsa-bangsa yang terdahulu: Yunani, Parsi, Rom, India, dan lain-lain, dan bahawa mereka mempunyai kecekapan dalam memperlindungi buah kesusasteraan lama, sampai jangan hilang lenyap ke dalam lembah kelupaan, hasil-hasil mana tadinya bertebaran ke sana ke mari tidak dipedulikan oleh bangsa yang telah jatuh dan ahli-ahli warisnya yang telah jatuh ke dalam kemunduran dan kerosakkan. Semua disimpan dengan maksud akan diberikan dan ditebarkan kembali di dunia Eropah, Afrika Utara dan Asia Barat pada masa itu. di tangan Islam lahirnya kembali kebudayaan-kebudayaan yang hampir hilang dan timbullah satu roh kebangkitan (Renaissance) yakni 600 tahun lebih dahulu dari kebangkitan Eropah Barat yang lahir pada abad kelima belas itu.

Apakah usaha kaum Muslimin itu hanya satu-satunya mengumpulkan yang sudah ada, dan menimbulkan apa-apa yang hampir tenggelam sahaja, atau adakah juga mereka itu mengadakan barang yang belum ada, meminta jalan sendiri dan menjejak yang belum ditempuh?

Jawabnya: ada dan memang ada!

Setelah ulama-ulama Islam membaca dan menelaah kitab-kitab Aflatun, Socrat, Aristotales Batlius dan lain-lain mereka sendiri terus membuat syarah (komentar) dan mukhtasarnya atau ringkasannya. Sesudah itu mereka mulai mengarang sendiri dan memperbincangkan masalah-masalah itu satu persatu dengan fikiran sendiri, dengan lebih mukhtara' atau orisinal (ciptaan – P).

Maka datanglah zaman baharu, yakni bukan zaman terjemah lagi, tetapi zaman meneruskan penyelidikan yang ada, yang meminta jalan sendiri. Pada zaman yang kedua inilah pujangga Islam memutar otak, membanting tolong, berijihad dengan segenap tenaga untuk mendirikan satu gedung kebudayaan yang kukuh, yang akan memberi manfaat yang tidak ternilai kepada dunia.

Zaman ini ialah zaman filsuf-filsuf Islam yang ternama, seperti filsuf Ya'qub bin Isḥāq al-Kindī, yang terkenal dengan nama al-Kindī sahaja. Beliau ahli dalam ilmu tabib, falsafah, falak, hisab, dan muzik. Abu Naṣr al-Fārābī, ahli mantik, falsafah, muzik, dan orang yang pertama kali membahas masalah-masalah politik – ekonomi, yang orang barat sekarang menganggap sebagai suatu ilmu yang baharu diperhatikan pada abad-abad yang akhir ini.

Zaman Abu Ali Husin bin Abdullah Ibnu Sīnā antara lain dari buah tangannya ialah sebuah buku-standard yang bernama "*al-Shifā*", iaitu sebuah ensiklopedia dalam 19 jilid besar yang sampai sekarang disimpan dalam khutubkhanah Universiti Oxford.

Zaman inilah zaman Ibnu Rushd, pujangga Islam di Andalusia (Spain) zaman Ibnu Bajjah, zaman Ibnu Miskawayh, seorang pendidik yang berjasa. Zaman al-Fakhri ahli falak yang diakui oleh dunia falak sampai sekarang. Al-Khayyam ahli hisab ternama dalam algebra dan trigonometri.

Dalam pekerjaan kita sehari-hari banyak perkataan yang

keluar dari mulut dan kedengaran di telinga yang menjadi saksi sampai sekarang akan ketinggian kebudayaan Islam pada zaman keemasannya itu. Umpamanya perkataan "tārif" berasal dari "*ta'rif*" yakni bahasa Arab, magazine berasal dari "*mukhāzan*", cek berasal dari "*ṣik*" dan lain-lain. Semua itu menunjukkan bahawa dalam abad keemasan itu Islam memegang peranan dalam dunia dagang yang memperhubungkan semua negeri sekeliling Laut Tengah dan Laut Merah yakni dari Eropah sampai ke India terus ke Tiongkok dan Rusia (kitab "Legacy of Islam")

Dengan perdagangan yang teratur mereka memajukan hasil-hasil pengeluaran seperti gula di India, kertas di Damsyik. Dalam industri itu kaum Muslimin bekerja menyempurnakan yang ada dalam merintis alam baharu. Umpamanya membuat berjenis-jenis gula (Ensiklopedia Britannica, perkara gula) membuat gelas, jam dan lain-lain.

Dalam hasil pengeluaran ubatan-ubatan, ahli-ahli kimia, Islamlah yang mula-mula membuat bermacam-macam "nitrat" dan "kalori".

Doktor-doktor Islamlah yang mula-mula memakai "kloroform" (ubat bius) dalam mengubat dan memeriksa orang sakit, yang mula-mula memakai mādat (candu) pengubat orang gila dan bermacam-macam cara mengubat yang asli, yang sampai sekarang masih dilakukan oleh doktor-doktor.

Pun kalangan kaum ibu tidak ketinggalan menuntut ilmu kedoktoran itu dan mengamalkan ilmu untuk keselamatan kaun ibu umumnya, umpamanya: "Ukhti al-Ḥafid bin Zahr" dan anaknya, yang keduanya mejadi dokor di istana khalifah di Andalusia, Zainab Ṭabibah Banī Asīd pakar ilmu mengubat mata, Shahadah al-Dinuriyah dan Bintu Daghin al-Wazī al-Damshiqiyah, di Syria.

Sungguh suatu hal yang tidak mungkin kalau kita hendak memberi gambar dari satu kebudayaan yang begitu luas dan dalam, yang telah hidup begitu sumber memberi buah yang kekal untuk manusia dari zaman ke zaman dengan mengambil tempat dalam 3 atau 4 muka ini sahaja.

Akan tetapi di sini sekadar pengenalan, sebagai memanggil perhatian kaum kita, terutama pemuda-pemuda Muslimin yang masih muda beliau dan yang mempunyai roh dan tenaga muda, sampai ingatlah bahawa satu tingkat tinggi telah tercapai oleh nenek mereka yang teguh memegang semua peraturan dan perintah agama kita, Islam. Mudah-mudahan kita semua insaf bahawa sesungguhnya agama Islam satu kebudayaan yang lengkap" seperti kata Profesor "Gibb" di atas itu.

Telah ada satu masa, yang negeri-negeri Islam menjadi pusat kebudayaan, menjadi pusat perhatian dunia. Kalau Mekah menjadi pusatnya ibadah, tempat kaum Muslimin naik haji menunaikan rukun Islam mereka, maka Baghdad pernah menjadi pusat ilmu pengetahuan, tempat ulama-ulama berkumpul dari segenap penjuru untuk menambah ilmu pengetahuan mereka, yang mereka tebarkan ke negeri-negeri mereka masing-masing. Ibadat dan pengetahuan, kedua-duanya dipentingkan oleh agama Islam, kedua-duanya dijunjung tinggi dan diamalkan oleh kaum Muslimin dengan ikhlas, terjatuh daripada riyak dan takbur. Sesungguhnya mereka inilah mereka yang menang.

Bilakah kembalinya yang demikian, wahai pemuda Islam?!